

12 SEP 2000

HADI TAK TAHU KAITAN PAS DENGAN BUKU HINA NABI

KUALA TERENGGANU, 12 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Abdul Hadi Awang berkata beliau tidak tahu menahu mengenai kaitan Pas dengan penerbitan sebuah buku yang mendakwa Nabi Muhammad sebagai pemimpin parti Islam pertama.

"Apa nama buku dan siapa penulisnya pun saya tak tahu dan saya belum membacanya...jadi tak boleh komen," katanya ketika diminta mengulas pendedahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai penerbitan buku bertajuk "Islam Optimis Melangkah Ke Alaf Baru Mengapa Pilih Parti Islam" yang menurut Perdana Menteri dikeluarkan oleh Pas.

Dr Mahathir berkata buku itu, yang menamakan parti lain selain Pas sebagai parti syaitan atau sekular, turut mengandungi amanat oleh Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor pada kulit belakang.

Buku itu memuatkan gambar tiga pemimpin Pas pada kulit depan iaitu Abdul Hadi, Fadzil dan Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Hadi yang juga Timbalan Presiden Pas berkata sesiapa juga boleh menulis buku seumpama itu termasuk daripada Umno.

-- BERNAMA

AYB SBS MAI